

18 FEB 1999
Sabah-Moyog
PERTARUHAN BESAR BAGI MOYOG

Oleh: Azman Ujang

PENAMPANG (Sabah), 18 Feb (Bernama) -- Dalam pilihan raya negeri Sabah sebelum ini, nama Moyog jarang bermain di bibir pengundi berbanding tempat-tempat seperti Tambunan, tempat lahir Parti Bersatu Sabah (PBS) dan kubu kuat Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan.

Tetapi kali ini, pertembungan untuk undi Kadazandusun dalam pilihan raya negeri yang dijangka diadakan pertengahan bulan depan akan berkisar di Moyog, sebuah kawasan penanaman padi Kadazandusun yang paling hampir dengan ibu negeri.

Kawasan pilihan raya Moyog merupakan pertaruhan besar bagi masyarakat Kadazandusun yang boleh dikatakan membawa bersamanya jawatan Ketua Menteri Sabah sebagai hadiah.

Nilai pertaruhan bagi Moyog telah meningkat sejak Isnin lepas apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan yang sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri akan diteruskan jika Barisan Nasional (BN) kembali berkuasa.

Ini bermakna penyandang kerusi Moyog Tan Sri Bernard Dompok yang dilantik sebagai Ketua Menteri Mei lepas di bawah sistem itu akan terus memegang jawatan itu sekurang-kurangnya untuk setahun lagi jika beliau dan BN menang dalam pilihan raya negeri kali ini.

Tetapi ia jauh daripada mudah bagi Dompok. Pengkritik beliau berpendapat jika Dompok tidak menyandang jawatan Ketua Menteri sejak sembilan bulan lepas tiada apa untuk menghalang PBS daripada menang dengan mudah di kawasan itu.

Alasannya mudah. Dompok memenangi kawasan itu pada pilihan raya negeri 1994 atas tiket PBS tetapi beliau meninggalkan parti itu bersama anggota-anggota lain yang keluar beramai-ramai untuk menyertai BN.

Setelah keluar dari PBS, Dompok membentuk Parti Demokratik Sabah (PDS) dengan beliau sebagai presidennya.

Pairin tidak bimbang dengan hakikat bahawa PBS kali ini perlu merampas kerusi itu daripada Dompok yang dengan jelas mempunyai kelebihan kerana jawatan Ketua Menterinya.

"Sabah telah menyaksikan lima Ketua Menteri dalam tempoh lima tahun lepas. Itu bukan isu besar. Penduduk Sabah termasuk Kadazandusun mempunyai isu-isu lain yang lebih penting untuk diselesaikan dalam pilihan raya akan datang," kata Pairin kepada BERNAMA semasa melawat kawasan itu semalam.

Bagi Pairin, isu-isu seperti "jual-beli" Anggota Dewan Undangan Negeri yang boleh menterbalikkan keputusan pilihan raya negeri, bilangan besar pendatang yang didaftarkan sebagai pengundi dan penggiliran jawatan Ketua Menteri merupakan isu-isu utama bagi pengundi.

Penyokong-penyokong Dompok berkata, pemimpin mereka telah berkhidmat dengan baik dan tidak mendiskriminasi fahaman politik Kadazandusun apabila menyampaikan bantuan kerajaan.

"Pelajar-pelajar yang memerlukan biasiswa diberi biasiswa. Jangan lupa banjir di daerah Penampang baru-baru ini. Rakyat sudah pasti akan lebih sengsara jika tidak kerana perhatian yang diberikan oleh Dompok sendiri di kawasan itu," kata salah seorang daripada anggota kempen beliau di bilik operasi PDS.

Sementara itu PBS pula dijangka menurunkan seorang lagi anak tempatan Moyog yang tidak asing lagi, Datuk Clarence Bongkos Malakun untuk merampas kerusi itu daripada Dompok dalam pilihan raya kali ini.

Malakun bekas Pengarah Urusan Sabah Forest Industries Sdn Bhd,

pengeluar utama pupla dan kertas di Sipitang, pernah mencuba beberapa kali untuk memenangi kerusi Moyog tetapi hasrat beliau masih belum tercapai.

Dalam percubaan pertamanya pada 1985, pencalonan beliau atas tiket PBS ditolak atas sebab-sebab teknikal.

Beliau sekali lagi bertanding di Moyog sebagai calon bebas pada pilihan raya 1994 dan memperolehi 3,360 undi berbanding 6,615 undi yang diperolehi oleh Dompok.

Bagi PDS dan Moyog, Dompok sebagai Ketua Menteri merupakan harapan terbaik di antara 11 kerusi Kadazandusun yang parti itu dijangka bertanding walaupun terpaksa mengharungi laluan yang sukar dalam meyakinkan masyarakat Kadazandusun di Moyog supaya menyokong BN dan bukan parti pembangkang PBS.

Tetapi beberapa anggota kempen PDS mengakui tugas itu bukan mudah.

" Kita orang yang sama memujuk pengundi untuk menyokong PBS dalam pilihan raya negeri 1994. Kini kita perlu meminta mereka untuk mengundi bagi BN...sudah pasti bukan mudah memandangkan ia kubu kuat PBS," kata seorang lagi pembantu Dompok.

Dompok bagaimanapun boleh bergantung kepada sokongan parti-parti komponen lain dalam BN untuk memastikan kejayaan.

" Kita akan berbuat apa sahaja untuk membawa 1,400-undi Islam di kawasan itu untuk Dompok". Jika perlu, Saya sendiri akan turun padang untuk berkempen bagi beliau," kata Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Kasitah Gaddam kepada BERNAMA di kediamannya di Ranau yang terletak di kaki bukit Gunung Kinabalu.

Kasitah ialah Ketua Umno Bahagian Kinabalu.

Pairin yakin PBS akan dapat merampas kerusi "hangat" itu, yang menurut beberapa anggota parti ia merupakan titik untuk bersatu bagi PBS dan membalas dendam terhadap Dompok.

PBS berterus terang yang ia masih marah dan kecewa terhadap perbuatan Dompok yang meninggalkannya untuk BN selepas pilihan raya 1994.

Keyakinan PBS itu berpunca daripada kejayaannya menumbangkan Dompok di kerusi Parlimen Penampang dalam pilihan raya umum lepas setahun selepas Dompok meninggalkan PBS.

Kekalahan itu menyebabkan Dompok kehilangan jawatan Kabinet dengan Kerajaan Persekutuan tetapi beliau dilantik dalam Kabinet negeri.

Ia pertembungan hidup mati bagi Ketua Menteri berusia 49 tahun itu, yang dianggap sebagai bintang politik yang paling cerah di Sabah.

Beliau pernah berkata daripada segi politik beliau hidup dari hari ke hari.

"Saya dilahirkan, dibesarkan dan belajar di sini. Moyog ialah tempat saya dan saya tidak ingin meninggalkan Moyog," kata beliau, merujuk kepada seruan penyokong-penyokong termasuk daripada Perdana Menteri sendiri supaya beliau berpindah ke kawasan pilihan raya lain yang "lebih selamat" daripada Moyog.

Dompok tetap yakin yang pengundi Moyog tidak akan mengetepikan beliau.

-- BERNAMA

AU PR